

Program Inap Desa (Homestay): Pengupayaan dan Pembangunan Komuniti

**Yahaya Ibrahim
Fauwaz Hasbullah**

Abstrak

Program Inap Desa merupakan suatu program penginapan untuk pelancong yang melibatkan penyertaan di kalangan penduduk sesebuah desa. Ia merupakan satu pendekatan baru dalam perkembangan industri pelancongan yang bertujuan memberi peluang kepada para pelancong tempatan dan juga luar negara yang ingin bercuti sambil menikmati suasana dan persekitaran semulajadi di desa. Melalui program ini, para pelancong akan dapat merasai kehidupan di desa dan terlibat dengan aktiviti seperti perladangan, pertanian, penternakan serta cara-cara menghasilkan kraftangan, yang mana kesemua aktiviti yang ditawarkan merupakan aktiviti harian komuniti tempatan. Program Inap Desa ini juga memberi pendedahan serba sedikit kepada para pelancong mengenai corak hidup dan budaya yang berbeza daripada apa yang mereka alami di tempat asal mereka. Kertas ini cuba membincangkan dan membandingkan perlaksanaan program ini di dua buah kampung iaitu Kampung Pelegong, Negeri Sembilan dan Kampung Raga, Yan, Kedah dari sudut pengupayaan dan pembangunan komuniti. Hasil kajian mendapati meskipun mekanisma pelaksanaannya hampir sama namun tahap keberhasilan dan impaknya berbeza yang secara langsung menggambarkan cabaran pengupayaan komuniti yang terlibat.

Yahaya Ibrahim, PhD, is currently an Associate Professor at the Social Studies Centre, Development and Environment, Faculty of Social Science and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.
Fauwaz Hasbullah is a Research Assistant

PENGENALAN

Industri pelancongan merupakan salah satu industri yang penting dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Pelbagai perancangan dibuat untuk menjadikan sektor berkenaan sebagai pemangkin utama pembangunan pada masa hadapan. Justeru, pihak kerajaan terus berusaha mewujudkan kawasan pelancongan dengan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur yang lengkap bagi memenuhi tuntutan pengunjung sama ada para pelancong dari dalam atau luar negara. Dengan kata lain, kerajaan sememangnya memberikan perhatian yang serius terhadap pembangunan industri pelancongan. Perkembangan industri pelancongan ini telah mendapat perhatian kerana potensinya yang besar. Bird (1989) berpendapat bahawa sektor pelancongan akan membawa masuk modal dan pendapatan baru yang diperlukan serta dapat menambah atau menggantikan sumber perolehan tradisional. Oleh itu, industri ini akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui penyediaan peluang-peluang pekerjaan, peningkatan tukaran wang asing, perluasan integrasi budaya dan hubungan antarabangsa serta mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan.

Menyedari tentang peri pentingnya sumbangan industri pelancongan terhadap ekonomi, pihak kerajaan telah menjalankan beberapa usaha untuk memperkasakan lagi industri pelancongan negara. Berbagai kempen dan program telah dilaksanakan bagi tujuan tersebut. Selaras dengan usaha untuk membangun, mempromosi dan memasarkan industri pelancongan negara, pelbagai usaha dipergiatkan bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancongan global. Sehubungan itu, dalam Rancangan Malaysia ke9, pelbagai strategi telah digariskan bagi merealisasikan hasrat memperkasakan industri pelancongan negara. Di antara strategi tersebut ialah:

- Memastikan pembangunan pelancongan mapan;
- Meningkatkan pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan yang inovatif;
- Menggalak dan memudahkan pelancongan domestik;
- Menggiatkan aktiviti pemasaran dan promosi;
- Meningkatkan pembangunan sumber manusia;
- Menjamin keselesaan, keselamatan dan kebajikan

Sejak beberapa tahun kebelakangan, usaha juga dilakukan bagi melibatkan penduduk tempatan dalam usaha memajukan industri ini. Satu konsep pelancongan desa berasaskan produk tempatan telah diperkenalkan yang merangkumi aspek budaya dan alam semulajadi bagi tujuan menarik lebih ramai pelancong asing mahupun domestik. Konsep percutian yang istimewa dan unik ini dinamakan ‘program Inap Desa’ atau sebelum ini dipanggil *homestay*. Apa yang menarik mengenai konsep pelancongan Inap Desa ini ialah para pelancong bukan sahaja datang untuk menginap, malah juga terlibat dengan pelbagai aktiviti harian bersama komuniti tempatan. Menurut Hall & Robert (2001:2), lebih 23 peratus pelancong Eropah memilih untuk melancong ke desa setiap tahun. Oleh

itu secara tidak langsung program ini dilihat amat berpotensi untuk dimajukan, yang secara langsung juga menyumbang kepada perubahan pembangunan dan taraf sosio-ekonomi kampung serta komuniti yang terlibat.

Program Inap Desa di Kampung Pelengong, Negeri Sembilan dan Kampung Raga, di Kedah merupakan di antara program Inap Desa yang awal dan paling berjaya. Namun didapati kejayaan salah satu kampung ini tidak dapat bertahan hingga ke hari ini akibat daripada pelbagai masalah yang berkaitan dengan kepimpinan dan promosi. Bagaimanapun, keberhasilan daripada program ini telah membuktikannya sebagai salah satu program pembangunan komuniti yang sangat berjaya dalam konteks pengupayaan komuniti desa.

Model pelaksanaan dan pengalaman daripada program Inap Desa di kampung-kampung tersebut amat sesuai untuk diteliti sebagai kes kajian penyertaan dan keperkasaan komuniti (Community's participation and empowerment). Oleh itu, kertas ini akan membincangkan tentang pendekatan serta perlaksanaan program Inap Desa ini di kedua-dua buah kampung tersebut di atas yang diambil sebagai kajian kes dan seterusnya membuat analisis jaya gagalnya program tersebut dari sudut pembangunan komuniti.

KONSEP INAP DESA

Inap Desa secara umumnya merupakan suatu kemudahan penginapan yang berkonsep tinggal bersama pengusahanya iaitu keluarga tuan rumah atau "host" yang menyertai program ini. Dengan cara ini, para pelancong berpeluang mengecapi cara hidup sehari-hari keluarga berkenaan serta budaya komuniti tempatan secara langsung. Seterusnya para pelancong juga akan mendapat pengalaman berinteraksi secara terus serta dapat melihat sendiri bagaimana tuan rumah dan komuniti di desa berkenaan menjalani kehidupan harian mereka.

Program Inap Desa menyediakan rumah persendirian di mana terdapat beberapa bilik yang tidak digunakan untuk tujuan persendirian dan disewakan kepada orang yang ingin menginap, di samping menjadikannya sebagai salah satu punca pendapatan sampingan (Henderson et al. 2004:2). Di barat terdapat juga konsep pelancongan desa yang hampir sama dikenali sebagai *farmstay*, iaitu pelancongan berasaskan ladang. Para pelancong akan tinggal bersama di rumah ladang dan menikmati keseronokan cara hidup harian di ladang (Hall & Roberts 2001). Namun berbeza dengan program Inap Desa, pelancongan ladang (*farm tourism*) tidak melibatkan keseluruhan komuniti setempat dalam melakukan aktiviti kerana suasana kehidupan ladang ini dalam kawasan yang luas dan hanya melibatkan keluarga peladang yang menjalankan aktiviti pelancongan tersebut.

Di Malaysia, konsep Inap Desa ini juga termasuk di dalam pakej pelancongan agro (*agrotourism*). Oleh itu para peserta yang ingin menyertai program ini perlu menyediakan perkara-perkara berikut iaitu: bilik yang dilengkapi perabot; ruang makan yang sesuai untuk hidangan tradisional; tempat riadah; kawasan atau

taman rekreasi yang indah; aktiviti kebudayaan oleh komuniti dan perusahaan atau bengkel kraftangan mahupun makanan.

Kini konsep pelancongan tinggal bersama atau Inap Desa ini merupakan di antara pakej pelancongan yang semakin popular dan digalakkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia agar para pelancong dapat tinggal bersama tuan rumah yang dipilih dan seterusnya berpeluang mengalami cara hidup sehari-hari keluarga berkenaan serta mempelajari adat resam, budaya dan aktiviti harian penduduk tempatan. Kehidupan harian komuniti serta persekitaran desa di mana terdapatnya program Inap Desa itu merupakan sebahagian daripada aset yang dapat menjadi tarikan pelancong. Malah Inap Desa juga merupakan kombinasi di antara pelancongan dan rekreasi (Yahaya 2004).

Program Inap Desa ini juga dilihat sebagai usaha mengkomersialkan aktiviti desa sebagai salah satu sumber pendapatan mereka yang terlibat. Malah ada juga yang mentakrifkan Inap Desa sebagai usaha mengkomersilkan program keluarga angkat. Walau apapun program Inap Desa menawarkan kepada pelancong suatu gaya penginapan yang berlainan dan istimewa dengan memberi penekanan terhadap layanan mesra daripada tuan rumah di samping menikmati keindahan desa yang kaya dengan khazanah alam semulajadi serta aktiviti kebudayaan tradisional setempat.

PELAKSANAAN PROGRAM INAP DESA DI MALAYSIA

Program Inap Desa diperkenalkan secara rasmi oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia pada tahun 1988 sebagai satu bentuk pilihan kemudahan tempat tinggal untuk pelancong yang berkunjung ke negara ini. Program ini lebih kepada program pembangunan pelancongan desa di persekitaran komuniti tani. Program ini telah meningkatkan penyertaan penduduk desa dalam aktiviti berkaitan pelancongan serta memberi peluang kepada isirumah desa memperolehi pendapatan sampingan.

Seterusnya program Inap Desa peringkat kebangsaan telah mula dirasmikan pada tahun 1995 di Desa Murni Termeloh Pahang. Bagi memantapkan lagi perjalanan Inap Desa ini maka Persatuan Inap Desa Malaysia (PHM) telah ditubuhkan pada tahun 2000. Ternyata program ini didapati mula mendapat sambutan di kalangan para pelancong asing yang datang secara berkumpulan yang ingin mengenali budaya dan cara hidup masyarakat setempat. Para pelancong akan tinggal bersama keluarga petani atau nelayan, dan turut sama menjalankan aktiviti harian dan turut serta dalam majlis atau adat istiadat penduduk tempatan. Di samping itu, para pelancong ini juga dibawa melawat taman-taman pertanian, tempat kraf tangan dan menyertai aktiviti seperti membuat pasu, melukis batik, menganyam bakul dan menenun songket.

**Jadual 1:
Senarai Produk dan Perkhidmatan Pelancongan**

| |
|--|
| 1. Ekopelancongan |
| 2. Agropelancongan dan program Inap Desa. |
| 3. Pelancongan Warisan dan Kebudayaan |
| 4. Acara Bertema |
| 5. Pasaran Persidangan, Insentif, konvensyen dan Pameran |
| 6. Pelancongan Sukan dan Rekreasi |
| 7. Pelancongan Pendidikan dan Kesihatan |

Sumber: Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010

Menyedari perkembangan Inap Desa yang bukan sahaja mampu menarik pelancong untuk datang ke negara ini, malah meningkatkan tahap ekonomi komuniti desa, pihak kerajaan juga telah memberi tumpuan terhadap program ini. Jadual di atas menunjukkan program Inap Desa diberi keutamaan dalam senarai produk dan perkhidmatan pelancongan dalam Rancangan Malaysia Ke9. Peruntukan yang besar iaitu sejumlah RM1,847 juga telah diberi dalam Rancangan Malaysia ke9 bagi membangunkan industri pelancongan desa (Lihat Jadual 2).

**Jadual 2:
Perbelanjaan dan Peruntukan Pelancongan 2001-2010 (RM juta)**

| Program | RMKe-8 | RMKe-9 |
|--|--------------|----------------|
| Perlindungan Alam Sekitar dan Pengindahan | 243.1 | 652.1 |
| Kemudahan, Infrastruktur dan Penyelenggaraan | 459.4 | 1,034.8 |
| Penginapan | 31.7 | 115.0 |
| Lain-lain | 49.4 | 46.0 |
| Jumlah | 783.6 | 1,847 |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan 2006 – 2010

Kejayaan program Inap Desa ini bergantung kepada keupayaan pengusaha atau pengendali program tersebut serta pemantauan daripada agensi kerajaan. Terdapat tiga kategori Inap Desa yang beroperasi, iaitu yang aktif, sederhana aktif dan tidak aktif (Yahaya Ibrahim 2004:71). Program Inap Desa yang aktif adalah yang dilaksanakan hasil daripada kerjasama penduduk kampung dan dikendalikan oleh Jawatankuasa khas secara sepenuh masa seperti di Kampung Pelegong di Negeri Sembilan, Desa Murni di Pahang, dan Banghurst di Selangor. Sehingga kini (2005) sejumlah 463 pengusaha inap desa telah dilatih dan diberikan lesen, menjadikan jumlah keseluruhan pengusaha 1,089 orang dari 79 buah kampung. Walau bagaimanapun daripada jumlah kampung yang terlibat hanya 20 buah kampung (25%) yang masih beroperasi dan kurang dari 10 kampung yang benar-benar aktif.


Sejak mula ia dilaksanakan program Inap Desa telah berjaya menarik ramai pelancong dari luar negara. Selain daripada motif pelancongan, program Inap desa juga dikatakan mampu mencapai beberapa kriteria untuk memperkasakan pembangunan desa iaitu dalam aspek ekonomi, psikologikal, sosial dan juga politik (Amran Hamzah 2004).

PROGRAM INAP DESA KAMPUNG PELEGONG, LABU, NEGERI SEMBILAN

Kampung Pelegong terletak di mukim Tiroi Negeri Sembilan. Jarak kampung tersebut dari Kuala Lumpur ialah sejauh 55 km dan dari Seremban 15km. Program Inap Desa Kampung Pelegong menawarkan panorama alam semulajadi dan suasana kehidupan desa yang masih mengekalkan ciri-ciri tradisional yang indah. Kampung yang terletak bersebelahan dengan lebuhraya utara – selatan (PLUS) ini mempunyai keunikannya yang tersendiri. Keramahan penduduk tempatan juga menjadi aset utama kampung tersebut yang membuat pelancong luar tertarik.

Hasil kajian terhadap pelaksanaan program Inap Desa di kampung ini mendapati berlakunya perubahan Sosioekonomi di kalangan komuniti yang terlibat. Ketika pelancaran program Inap Desa di kampung Pelegong pada tahun 1996 ramai yang mengkritik bahawa apa yang ada di kampung tersebut dan akan adakah pelancong datang memandangkan kedudukannya yang agak jauh ke dalam. Namun ternyata kritikan itu meleset di mana kehadiran pelancong telah meningkat setiap tahun dan mengambarkan bahawa pulangan sosioekonomi yang mereka terima juga meningkat setiap tahun .

Carta 1:
Statistik Kehadiran Pelancong ke Kampung Pelegong
(2000 – 2003)




Sumber: Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan (MTPN)

Berdasarkan kepada carta 1 di atas, jelas menunjukkan bahawa program Inap Desa di kampung Pelegong ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelancong khususnya daripada pelancong domestik. Dengan peningkatan bilangan pelancong, secara tidak langsung menunjukkan hasil pendapatan bagi pengusaha Inap Desa di kampung ini juga meningkat (Lihat Carta 2).

Pendapatan bulanan yang dianggap sebagai pendapatan sampingan ketiga bagi pengusaha ialah sekitar RM600-RM800. Pada suku pertama tahun 2005 ada di kalangan mereka memperolehi hasil yang lumayan iaitu antara RM2000 hingga RM3000 berdasarkan kepada jumlah bilik yang disediakan dan juga khidmat lain yang diberikan. Pendapatan sampingan ini bukan sahaja di nikmati oleh para pengusaha Inap Desa malah juga penduduk kampung yang tidak menyertai program Inap Desa.

Secara umumnya para pengusaha Inap Desa akan mendapat pulangan berdasarkan bayaran penginapan sekurang-kurangnya untuk dua orang pada satu-satu masa dan juga daripada jualan cenderhati. Selain daripada itu mereka juga memperolehi pendapatan daripada khidmat lain seperti penjualan kuih-muih, katering, lawatan dan sebagainya. Maka tidak hairanlah ada sesetengah pengusaha Inap Desa ini mampu menyediakan bilik berhawa dingin (*aircondition*) dan mempunyai tandas di dalam, 'ala- hotel'.

Carta 2 :
Jumlah Pendapatan Daripada Program Inap Desa
(2000-2003)



Sumber: Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan (MTPN)

Jadual 3:
Contoh Harga Pakej Inap Desa

| Pakej Inap Desa | RM* |
|-----------------|-----|
| 2 hari 1 malam | 110 |
| 3 hari 2 malam | 220 |
| 4 hari 3 malam | 280 |
| 5 hari 4 malam | 320 |

* Tertakluk kepada perubahan (Sumber JK Inap Desa Kampung Pelegong)

Bagi mereka yang tidak terlibat dengan Inap Desa, banyak peluang dan ruang untuk mereka menambahkan pendapatan. Antaranya industri kecil yang tumbuh selepas perlaksanaan Inap Desa ialah industri kraftangan. Ini adalah hasil bakat yang terdapat daripada seorang penduduk kampung membuat bakul daripada rotan yang selama ini beliau tidak berpeluang untuk membuat dan menjual secara besar-besaran disebabkan pasaran terhad. Namun kini beliau telah mampu untuk menjual kepada para pelancong yang hadir dan juga telah mendapat tempahan daripada luar.

Bagi para surirumah yang mempunyai masa lapang pula peluang yang ada ini dimanfaatkan bersama dengan menjalankan industri makanan ringan melalui Kumpulan Pengembangan Wanita (KPW). Antara yang dihasilkan ialah roti, kuih bahulu, kerepek, kuih bakar, kuih ros, dodol dan sebagainya. Malah mereka telah mampu untuk menyediakan sebuah bengkel kecil dan juga kedai runcit bagi menjual hasil keluaran mereka. Makanan ringan tersebut bukan sekadar untuk jualan kepada para pelancong tetapi mereka juga mengedarkannya kepada pasaran setempat dan juga untuk tempahan.

Peluang untuk menambahkan pendapatan melalui program Inap Desa ini tidak mengira lapisan umur. Selain orang dewasa, golongan remaja dan kanak-kanak juga mampu mendapat imbuhan daripada penglibatan mereka dalam acara kebudayaan seperti permainan muzik tradisional, Cak Lempong, tarian Endang, Zapin, kompong dan sebagainya. Pada setiap persembahan mereka akan dibayar sekurang-kurang RM40 seorang bergantung kepada acara tersebut. Ini secara tidak langsung mengalakkan mereka melibatkan diri secara langsung dalam program Inap Desa.

Terdapat juga para penduduk kampung yang mengusahakan nursery bunga secara kecil-kecilan. Namun yang menariknya bunga tersebut bukan untuk dijual kepada para pelancong tetapi dijual kepada orang kampung khususnya mereka yang mengusahakan Inap Desa bagi tujuan pengindahan. Seterusnya kreativiti penduduk di kampung ini juga telah menghasilkan perniagaan cenderahati yang berdasarkan hasil alam semulajadi seperti penanda buku daripada daun getah yang di awet, wangi-wangian daripada bunga-bungaan (Potpurri) dan sebagainya.


Selain daripada penghasilan barang dan perkhidmatan, program ini juga telah dapat membangunkan semula tanah-tanah terbiar. Di kampung Pelegong terdapat banyak tanah sawah yang tidak diusahakan lagi disebabkan tiada lagi orang yang berminat untuk mengusahakannya. Oleh yang demikian bagi menyediakan lagi tarikan pelancong, pihak jawatankuasa telah bekerjasama dengan tuan tanah bagi memajukan tanah terbiar dengan menyewa tanah tersebut pada kadar RM200 setahun untuk diadikan taman agrotourism. Taman tersebut diusahakan dengan tanaman pisang, jagung, belimbing madu dan sebagainya. Hasilnya dijual kepada pelancong dan pendapatannya diberikan kepada tuan tanah yang mengusahakanya. Akhirnya di kampung Pelegong ini tidak ada lagi kawasan tanah terbiar. Ini merupakan satu kejayaan di samping memberi pulangan pendapatan yang tinggi dan pendekatan ini juga mampu menyelesaikan masalah tanah terbiar.

Dalam kontek pembangunan institusi sosial, faktor utama kejayaan program Inap Desa di kampung Pelengong ialah kepimpinan dan persefahaman dalam komuniti setempat. Ini dapat dilihat dengan peranan yang dimainkan oleh institusi komuniti yang ada seperti Jawatankuasa Kemajuan Kampung, K3P, GDW dan sebagainya. Secara tidak langsung program Inap Desa telah menyediakan satu

ruang kepada komuniti desa untuk membina daya kepimpinan mereka serta memupuk semangat perpaduan dalam komuniti. Apabila komuniti telah bersedia untuk melakukan perubahan dalam komuniti mereka, maka dengan mudah mereka dapat menjayakan segala aktiviti yang dirancang untuk program Inap Desa. Perubahan dan kesedaran yang terbentuk melalui perlaksanaan program ini telah menyaksikan komuniti Kampung Pelegong ini bebas daripada gejala sosial.

Sebelum terlibat dengan Inap Desa, komuniti di kampung tersebut telah dide dahukan dengan program K3P. Dalam program ini mereka dide dahukan dengan pelbagai aspek pengurusan dan kepimpinan sesebuah organisasi. Penyertaan kampung ini dalam Gerakan Daya Wawasan (GDW) telah menyaksikan mereka memenangi pelbagai pertandingan keindahan dan keceriaan kampung. Melalui GDW ia telah membentuk satu kesefahaman dan semangat kerjasama dalam melaksanakan sebarang aktiviti di kampung. Justeru itu apabila melaksanakan Inap Desa mereka tidak menghadapi banyak masalah.

Rajah 1 : Aliran penyertaan komuniti dalam penubuhan Inap Desa



Sumber: Fauwaz Hasbullah 2005.

Hasil daripada program ini juga, penduduk kampung tersebut telah menikmati kemudahan infrastruktur yang lebih baik seperti jalanraya yang bertaraf seluruh kampung, bekalan elektrik dan air kepada semua penduduk. Kemudahan asas yang lain ialah seperti dewan, balairaya pusat kegiatan ekonomi, makmal komputer dan sebagainya. Malah mereka juga mendapat kemudahan lain untuk tujuan pelancongan seperti pentas budaya, bengkel KPW. Kerajaan negeri pula telah memberi peruntukan untuk memulihkan dan memperbaiki kemudahan untuk pengunjung ke Jeram Tebrau yang terdapat di dalam kampung tersebut. Melihat kepada perkembangan positif Inap Desa ini, dalam Rancangan Malaysia ke9 kerajaan persekutuan telah memberi peruntukan sebanyak RM300 ribu untuk membina dewan besar dan kerajaan negeri telah memperuntukan sebanyak RM210 ribu untuk membina wakaf disekeliling kampung untuk kemudahan pelancong.

Dalam suasana komuniti di bandar membicarakan isu globalisasi, kampung yang terpencil ini telah lama mendapat manfaat daripada globalisasi. Atas nama program Inap Desa, ia telah membawa Kampung Pelengong ke seluruh dunia bagi tujuan mempromosi program Inap Desa. Pengalaman kedatangan pelancong dari luar negara juga dapat dikongsikan dengan minda masyarakat setempat dalam usaha untuk memajukan komuniti mereka. Kehadiran para pelancong ini telah mempengaruhi corak pemikiran komuniti luar bandar. Pemikiran konsevarif yang selalu mengaitkan pelancong luar akan membawa kesan keburukan terhadap komuniti setempat dapat dinafikan. Kini mereka lebih yakin dalam berhadapan dengan pelancong asing dan ia secara tidak langsung telah membuka ruang kepada generasi muda untuk meningkatkan mutu komunikasi mereka dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa lain. Ini sekaligus telah mendedahkan komuniti tempatan tentang pembangunan dan budaya di negara luar.

Ada juga di kalangan penduduk boleh berkomunikasi dalam bahasa Jepun sebagai satu keperluan memandangkan mereka menerima kunjungan yang ramai daripada pelancong Jepun. Peningkatan pendidikan tidak formal juga dapat dilihat terutama dalam pengembangan bahasa inggeris di kalangan penduduk kampung. Hasil inisiatif pihak jawatankuasa mereka telah mengadakan kelas-kelas bahasa untuk penduduk kampung. Malah program-program seperti kursus motivasi ajuran pihak luar dan Program Latihan Khidmat Negara yang memberi kesempatan kepada penduduk kampung untuk terlibat sama sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap pembinaan diri mereka khususnya generasi muda.

Untuk menjadikan kampung ini sebagai sebuah destinasi pelancongan desa yang berjaya menarik ribuan pelancong datang ia tidak semudah yang dilihat. Ini kerana prasyarat untuk melaksanakan program ini berjaya ia memerlukan komitmen yang tinggi daripada segenap lapisan komuniti. Perlaksanaan Inap Desa memerlukan keharmonian, iaitu keharmonian dalam rumahtangga, komuniti setempat dan kepimpinan kampung. Oleh yang demikian melalui program ini ia secara tidak langsung telah memupuk semangat perpaduan dan kehormongan dalam masyarakat yang sekaligus menggambarkan kualiti kehidupan yang baik.

Komodifikasi budaya (*commodification of culture*) juga telah berlaku dengan melihat bagaimana mereka mempromosi budaya adat pepatih dengan menyediakan persesembahan kebudayaan seperti tarian dan juga demonstrasi perarakaran pengantin. Melalui acara kebudayaan ia telah mengubah persepsi komuniti desa bahawa ia bukan sekadar untuk dipelihara tetapi ia boleh dikongsi dan diperkembangkan kepada masyarakat luar. Para pelancong dari luar negara akan diberi peluang untuk memakai pakaian tradisional Minangkabau dan diarak beramai-ramai. Mereka juga diajar untuk memakai pakaian tradisional tempatan seperti kain sarong, baju melayu, baju kurung dan sebagainya.

Seterusnya, melalui program Inap Desa ini ia juga telah menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar (Hall & Roberts 2001). Ini dapat dilihat dari aspek


mengekalkan kehijauan semulajadi, memulihkan kawasan tanah terbiar untuk kegunaan pertanian, mengawal sistem saliran air agar ia tidak mencemarkan aliran sungai serta mengelakkan berlakunya penebangan pokok yang tidak terkawal. Keindahan alam semulajadi sebenarnya sememangnya sinonim dengan suasana kehidupan di desa.

PROGRAM INAP DESA KAMPUNG RAGA, YAN, KEDAH

Kampung Raga yang terletak kira-kira 1.5 kilometer dari Pekan Yan, Kedah merupakan sebuah kampung tradisional yang terawal menawarkan program Inap Desa di negeri Kedah bagi tujuan untuk membolehkan pelancong menginap dan menghayati budaya tempatan. Pada masa yang sama Kampung Raga turut memanfaatkan sumber-sumber seperti dusun buah-buahan dan sawah padi untuk tujuan lancong tani. Kampung Raga mempunyai keluasan 6.5 kilometer dengan bilangan penduduk seramai 700 orang dan terdapat 160 buah rumah. Majoriti penduduk terdiri daripada orang Melayu yang mana pekerjaan utama adalah dalam sektor pertanian seperti sawah padi.

Pada asalnya Kampung Raga mewakili negeri Kedah dalam pertandingan Kebersihan, Keindahan dan Kemajuan Kampung peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan berjaya menggondol pelbagai anugerah. Antaranya seperti Johan Kebersihan dan Keindahan Kampung Peringkat Negeri Kedah (1982), Naib Johan Kebersihan dan Keindahan Kampung Peringkat Negeri Kedah (1986), Johan Sungai Angkat Peringkat Negeri Kedah dan Kebangsaan (1993), Johan Kebersihan dan Keindahan Kampung Peringkat Negeri Kedah (1994), Naib Johan Sungai Potensi Pelancongan Peringkat Negeri Kedah dan Johan Peringkat Kebangsaan (1995), dan Naib Johan Kebersihan dan Keindahan Kampung Peringkat Negeri Kedah (1996). Justeru pada tahun 1996 juga Kampung Raga telah dipilih sebagai projek perintis bagi program Inap Desa peringkat negeri Kedah setelah Kampung Raga dipilih sebagai kampung terbaik pada tahun tersebut. Kampung ini menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara kerana keindahan dan pelbagai kemudahan awam yang disediakan. Lokasi kampung ini amat strategik kerana terletak di dalam kawasan pelancongan di daerah Yan. Kampung ini ditadbir dan diuruskan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung.

Foto 1:
Rumah Inap Desa Di Kampung Raga



Kegigihan penduduknya menggunakan secara optimum pelbagai keistimewaan di Kampung Raga telah menampakkan hasil yang memberansangkan sehingga membantu mencipta nama tersendiri dalam sektor pelancongan dan produk dusun dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Kedah. Selain mengusahakan sawah padi, sebahagian besar penduduknya turut mengusahakan dusun dan menorah getah. Aktiviti agrotourism amat sesuai dijalankan di antara bulan Jun sehingga Ogos setiap tahun kerana dalam bulan berkenaan pelancong akan dapat menikmati sajian pelbagai jenis buah-buahan tempatan yang lazat seperti buah durian, manggis, rambutan dan sebagainya (Norhayati Mohamad 2005).

Foto 2:
Aktviti Menoreh Getah



Selain daripada itu, apa yang menjadi tarikan pelancong ialah budaya kampung yang mungkin asing bagi pelancong. Antaranya cara hidup kampung yang masih diamalkan ialah perusahaan yang dijalankan secara kecil-kecilan dan beberapa jenis permainan tradisional anak-anak muda yang masih wujud. Demikian juga dengan sikap ramah-tamah serta kehidupan saling bantu membantu antara ahli dalam komuniti kampung tersebut.

Foto 3:
Pelancong dan keluarga Mencuba Aktiviti Memproses Padi



Penduduk bandar yang selama ini tidak pernah melihat kerja-kerja persawahan berpeluang melihat atau turut serta bersama petani-petani mengerjakan sawah. Mereka juga dapat menikmati makanan cara kampung berlaukan ikan air tawar, pelbagai ulaman dan kuih-muih. Di sini juga pelancong akan diajar cara-cara menumbuk beras menjadi emping yang menjadi makanan tradisi. Pelancong juga dapat menaiki perahu sambil melihat keindahan panorama alam semula jadi yang merupakan suatu pengalaman yang tidak ternilai harganya kepada para pelancong ke kampung ini.

Ditinjau dari segi kemudahan awam pula, Kampung Raga mendapat manfaat daripada program ini dengan kemudahan laluan berturap sepanjang 3.5 kilometer, yang menghubungkan kampung tersebut dengan jalan-jalan utama. Selain itu terdapat sebuah dewan orang ramai yang dijadikan tempat perjumpaan penduduk setempat. Dewan ini juga digunakan untuk menyambut kedatangan pelancong serta segala urusan yang berkaitan dengan penempatan pelancong dan juga taklimat akan diberikan di sini. Kampung ini juga dilengkapi dengan bekalan elektrik dan air, serta kemudahan lain seperti pondok telefon awam, tandas awam dan kawasan perkhemahan juga turut tersedia untuk pengunjung.

Sebanyak 24 buah rumah dipilih untuk menyertai program Inap Desa. Pengusaha yang terlibat telah diberikan sijil yang sah. Sijil tersebut membolehkan mereka menerima kedatangan mana-mana pelancong. Pengusaha Inap Desa tersebut terdiri daripada mereka yang berminat untuk menjalankan segala aktiviti yang telah dirancang untuk para pelancong. Pelancong diletakkan di bawah tanggungjawab mereka selama mereka menginap di rumah berkenaan. Pengusaha perlu sentiasa memastikan aspek-aspek kebersihan, keselesaan, keselamatan kepada pengunjung agar mereka berasa terjamin.

Dari segi bayaran pula, ia tentukan berbeza mengikut kategori pelancong. Pelancong luar negara dikenakan sebanyak RM100 untuk setiap individu manakala pelancong dalam negara adalah sebanyak RM35. Bayaran ini termasuk penginapan sehari bersama-sama dengan hidangan yang disediakan. Bayaran ini juga termasuk lawatan ke sekitar daerah Yan dan para pelancong juga turut dibawa melawat ke tempat menarik seperti Pulau Bunting, Pulau Telur, Pulau Songsang, Pulau Bidan, Gunung Jerai, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Tangga Kenari dan Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Norhayati Mohamad 2005).

PENGUPAYAAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Secara umumnya program Inap Desa mempunyai potensi untuk dikembangkan. Masih banyak lagi ruang yang perlu di teroka terutama dari segi produk dan juga promosi kepada pelancong domestik. Program ini juga tidak hanya bergantung kepada pelancong asing semata-mata, malah juga mengalu-alukan pelancong domestik.

Secara perbandingan, program Inap Desa di kampung Pelegong dilihat lebih berjaya berbanding dengan di Kampung Raga. Program Inap Desa di Kampung Raga yang pada mulanya amat berjaya, tetapi beberapa tahun kebelakangan ini didapati sukar untuk meneruskan pencapaian sepertimana sebelumnya disebabkan beberapa masalah yang telah merencatkan keupayaan program Inap Desa di kampung ini (Norhayati Mohamad 2005). Hasil kajian mendapati kemunduran program ini ekoran daripada rentetan pelbagai masalah yang dihadapi seperti yang dapat dirumuskan di bawah.

Masalah dan Cabaran Program Inap Desa

Secara umumnya di antara masalah yang dikenalpasti dalam mengoperasikan program Inap Desa adalah:

- Kekurangan Promosi dan Pengiklanan

Dalam proses menjalankan promosi terdapat tiga perkara utama yang perlu ditekankan untuk mencapai matlamat sesuatu promosi yang telah dirangka.

Pertama, harus mempunyai penghubung yang bertindak sebagai pengirim atau pihak yang membuat promosi. Kedua, harus mempunyai penerima yang menerima berita yang dikirimkan oleh pihak pertama. Penerima juga dalam masa yang sama boleh bertindak sebagai pengguna. Ketiga, harus mempunyai alat yang dapat menyampaikan pesan beberapa saluran yang bertindak sebagai media massa bagi menyalurkan berita. Secara ringkasnya dapat dikatakan promosi adalah satu usaha untuk memperkenalkan suatu produk kepada pengguna melalui media tertentu agar pengguna mengenali dan menggunakan produk tersebut. Dalam konteks pembangunan program Inap Desa, pihak pengirim atau penghubung merupakan pengeluar kepada produk pelancongan tersebut iaitu pihak yang menghasilkan Inap Desa tersebut. Oleh kerana program Inap Desa telah dirancang dan dibangunkan oleh Jabatan Pelancongan Negeri dan seterusnya dipantau oleh Majlis Daerah Yan dengan kerjasama Pejabat Daerah Yan maka pihak yang sepatutnya dipertanggungjawabkan sebagai pihak penghubung ialah ketiga-tiga badan tersebut.

Masalah yang berlaku di Kampung Raga dalam membangunkan program Inap Desa ialah kekurangan promosi yang dijalankan oleh Jabatan Pelancongan Negara, Pejabat Daerah Yan dan Majlis Daerah Yan untuk mengiklankan tentang Inap Desa tersebut kepada pihak kedua iaitu pengguna atau orang awam. Tidak dinafikan, semasa awal penubuhannya program Inap Desa telah dipromosikan secara meluas sebagai salah satu produk pelancongan yang mula dikembangkan untuk kemudahan pelancong domestik mahupun pelancong luar.

Bagi pelancong domestik, mungkin mereka dapat mengetahui akan keistimewaan yang terdapat di Kampung Raga yang pernah dinobatkan sebagai salah sebuah kampung tercantik di Malaysia melalui berita di akhbar. Berbeza dengan pelancong domestik, pelancong luar terutamanya perlu dihebahkan dengan promosi yang lebih bersesuaian. Promosi adalah penting bagi memastikan bahawa segala usaha yang dijalankan untuk menjayakan program Inap Desa adalah tidak sia-sia. Oleh yang demikian, pelancong haruslah didedahkan tentang keindahan sehingga mereka ingin mengalami sendiri suasana keindahan tersebut. Pengiklanan merupakan satu cara yang paling tepat untuk memberitahu pengguna tentang sesuatu keluaran pelancongan iaitu tempat-tempat menarik. Pengiklanan dapat dilakukan melalui pelbagai alat media massa seperti suratkhabar, majalah, televisyen, radio, internet dan sebagainya.

Dapat dirumuskan bahawa promosi yang sepatutnya diadakan menurut saluran yang tepat dan betul sebagaimana yang telah dinyatakan mungkin dilakukan oleh program Inap Desa di tempat lain tetapi tidak dilakukan dengan jayanya di Kampung Raga. Walaupun usaha promosi ada dijalankan tetapi masih tidak memadai. Disimpulkan bahawa hal tersebut berpunca daripada beberapa masalah seperti tiada peruntukan dan tidak ada keselarasan antara agensi iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian, Kementerian Pelancongan, Pejabat Daerah, Majlis Daerah dan Jabatan Pelancongan Negeri juga memikul tanggungjawab untuk menjalankan promosi.

b) Masalah Persaingan

Masalah persaingan sangat dirasakan oleh pengusaha program Inap Desa di Kampung Raga. Persaingan dari kampung atau daerah lain yang menjalankan program Inap Desa sangat dirasakan sejak 5 tahun kebelakangan ini. Hal tersebut menyebabkan pengusaha Inap Desa di Kampung Raga merasakan kunjungan dan hasil pendapatan mereka semakin berkurang. Di Kedah sahaja, program Inap Desa bukan sahaja terdapat di Kampung Raga malahan turut terdapat di Relau, Bandar Baharu Kulim dan Pulau Langkawi. Oleh itu, setiap pengusaha perlu bersaing untuk meningkatkan bilangan pelancong yang berkunjung ke tempat mereka. Kampung Raga merupakan satu kawasan kecil yang mempunyai tarikan keindahan semulajadi. Meskipun begitu, kedudukan Kampung Raga sebagai destinasi Inap Desa boleh digugat dengan pembangunan Inap Desa yang dijalankan di Pulau Langkawi. Hal ini kerana Pulau Langkawi sudah terkenal sebagai tempat pelancongan menarik yang menjadi tumpuan bukan sahaja pelancong domestik malahan turut menambat hati pelancong luar.

Tambahan pula, masalah kekurangan promosi lebih memburukkan lagi keadaan dan boleh memberi kesan terhadap pembangunan program Inap Desa di Kampung Raga. Sekiranya tiada jalan penyelesaian yang diambil untuk mengatasi persaingan yang wujud maka Inap Desa Kampung Raga pasti akan terpinggir dan pelancong pastinya memilih destinasi Inap Desa lain yang lebih menarik dan memenuhi keperluan mereka.

c) Masalah Pengurusan dan Organisasi

Setiap program Inap Desa perlu diuruskan secara teratur dan mempunyai struktur organisasi yang baik supaya operasi pentadbirannya berjalan lancar. Kelancaran pentadbiran perlu bagi memastikan program tersebut diselaraskan mengikut perancangan seperti yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun masalah yang dihadapi dalam program Inap Desa Kampung Raga berpunca daripada masalah kelemahan pengurusan dan organisasi. Mereka tidak mempunyai carta organisasi yang lengkap seperti adanya setiausaha, bendahari dan AJK yang lain. Apa yang ada hanya seorang ketua yang menjalankan segala-galanya. Oleh itu, tidak hairanlah jika tiada maklumat yang disimpan dengan lengkap kerana semua ini hanya dibuat oleh ketua program.

Program Inap Desa di Kampung Raga pada masa kini telah diselenggarakan oleh ketua Inap Desa yang merupakan salah seorang pengusaha yang menjalankan program Inap Desa. Meskipun seorang ketua telah dilantik tetapi masalah timbul kerana beliau tidak dibantu oleh AJK yang lain agar dapat menyelesaikan masalah. Pada awalnya ketua Inap Desa merupakan seorang ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung tetapi oleh kerana beliau tidak dapat memberi komitmen penuh sebagai ketua, jadi calon lain telah dipilih sebagai ketua yang baru digantikan. Walau bagaimanapun, perlantikan tersebut adalah secara sukarela iaitu tertakluk kepada kesudian individu tertentu yang dapat memikul tugas sebagai ketua Inap Desa.

Berikutkan kekurangan tenaga sokongan yang dapat menyelenggarakan program agar berjalan lancar, program tersebut menghadapi pelbagai masalah dalamnya. Masalah tersebut mengakibatkan pengagihan pelancong bagi peserta Inap Desa tidak dapat dilakukan secara teratur dan secara adil dan saksama. Ramai pengusaha Inap Desa merungut apabila pembahagian pelancong tidak dilakukan secara adil dan saksama. Hal ini tentunya dapat diatasi sekiranya ada carta organisasi seperti setiausaha dan AJK yang khusus.

Pembahagian pelancong yang tidak sama adil akhirnya memberi kesan kepada sesetengah pengusaha kerana mereka kurang menerima kedatangan pelancong hanya disebabkan jarak rumah yang lebih jauh dari pusat kemudahan. Jika keadaan tersebut berlanjutan pastinya pengusaha yang tinggal berdekatan pusat kemudahan memperolehi pulangan sedangkan pengusaha lain hanya mampu menunggu dan terus menunggu kedatangan pelancong dalam kelompok yang lebih ramai supaya rumah mereka turut disenaraikan. Ketua program juga tidak membuat salinan atau simpanan data-data berkaitan aktiviti dan maklumat Inap Desa yang dijalankan untuk disemak dan digunakan oleh pihak lain seperti Majlis Daerah terutamanya. Masalah timbul apabila pihak Majlis mahu membuat pantauan kerana data yang diperlukan adalah penting untuk melihat perkembangan program tersebut dari masa ke semasa.

Di sini kita dapat lihat betapa pentingnya pengkhususan tugas itu agar segala perjalanan organisasi itu berjalan lancar. Latihan tentang pengurusan juga amat penting untuk memberi pendedahan kepada pengusaha tentang bagaimana cara-cara untuk menguruskan perjalanan program Inap Desa itu agar lebih berjaya. Latihan ini amat penting memandangkan sebahagian besar pengusaha adalah memiliki taraf pendidikan yang rendah.

d) Masalah Ketidakmampuan dan Kemerosotan Pulangan

Program Inap Desa telah menjanjikan pulangan yang lumayan kepada pengusaha. Walau bagaimanapun, kepesatan pembangunan program Inap Desa kini menyaksikan pelbagai tempat menarik yang lain turut menawarkan kemudahan yang sama. Pilihan dan keputusan terletak di tangan pelancong. Apabila kedatangan pelancong semakin berkurang maka ia akan memberi kesan ke atas pulangan ekonomi pengusaha. Memandangkan pulangan tersebut bergantung sepenuhnya kepada kadar kedatangan pelancong, jika kedatangan pelancong merosot maka pengusaha juga tidak memperolehi sebarang pulangan. Sekiranya hal ini berlaku maka akumulatif modal juga merosot dan pengusaha tidak akan dapat mempertingkatkan kemudahan-kemudahan yang perlu seperti membaiki tandas, memperbesarkan bilik serta mencantikkan kediaman mereka. Faktor ini menyebabkan prestasi program Inap Desa secara keseluruhannya menurun.

e) Masalah Kemudahan Awam

Kemudahan awam memainkan peranan yang penting dalam memajukan sektor pelancongan. Tanpa kemudahan yang baik menyebabkan lemahnya satu-satu sektor itu untuk bergerak cergas. Kemudahan yang baik adalah untuk keselesaan pelancong yang datang kerana mereka telah membeli perkhidmatan yang ditawarkan. Apabila pengusaha tidak mampu untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik maka ia akan menjelaskan program Inap Desa yang dianjurkan. Daripada apa yang dilihat, di Kampung Raga misalnya, masih terdapat banyak kemudahan awam yang perlu dipertingkatkan untuk keselesaan pelancong. Kemudahan yang sedia ada sudah mencukupi namun ia perlu sentiasa diperbaharui agar berada dalam keadaan yang baik. Contohnya jalan yang rosak perlu diturap semula agar dapat memudahkan perjalanan dibuat dari satu tempat ke sesuatu tempat yang lain. Selain itu, pengangkutan awam perlu ditambah dengan lebih banyak kerana pengangkutan penting untuk memudahkan kesampaian pelancong untuk ke mana-mana.

Selain itu, dewan orang ramai yang menempatkan pelancong juga perlu diperbaiki agar berada dalam keadaan yang baik. Peralatan yang lama dan tidak sesuai digunakan seperti kerusi dan sistem audio perlu diganti. Dewan ini perlu ditambah keluasannya agar dapat menampung bilangan orang yang lebih ramai. Kebersihan dewan ini perlu sentiasa diberi perhatian kerana tempat inilah yang akan menempatkan pelancong apabila sesi taklimat tentang program Inap Desa.

Kejayaan industri pelancongan bergantung kepada tahap kepuasan yang diberikan kepada para pelancong. Para pelancong akan berpuas hati apabila ditawarkan produk yang berkualiti serta layanan perkhidmatan dan sambutan mesra kemudahan awam dan kemudahan lain yang ditawarkan memuaskan. Agensi-agensi kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan kemudahan awam sentiasa berada dalam keadaan baik. Hal ini mampu menarik lebih ramai para pelancong untuk merasai apa yang telah dianjurkan oleh pengusaha yang terlibat dalam program Inap Desa.

Faktor Kejayaan Program Inap Desa

Meskipun terdapat beberapa masalah yang menghalang keberkesanan program Inap Desa di Kampung Raga, namun perjalanan sesuatu projek pembangunan itu akan tercapai dengan jaya sekiranya terdapat faktor-faktor yang mendorong ke arah kemajuan. Terdapat pelbagai faktor yang membuatkan program Inap Desa dapat mengekalkan prestasinya.

a) Kerjasama penduduk

Kampung Raga yang terletak di kawasan luar bandar merupakan penduduk tradisional yang masih bergantung kepada ekonomi pertanian. Daripada segi hubungan, mereka ini bersifat *gemeinschaft* atau komuniti yang bentuk interaksi

sosialnya melibatkan hubungan yang rapat dan bersemuka. Tradisi dan matlamat mereka adalah sama. Hubungan sosial mereka adalah berasaskan ikatan kekeluargaan dan persahabatan yang rapat (Ting Chew Ping 1997: 66). Kebanyakan daripada mereka terdiri daripada sanak saudara yang sememangnya mempunyai pertalian darah yang kuat.

Hubungan komuniti desa adalah lebih mesra dan kukuh. Menurut Yahaya Ibrahim (1995), kebiasaanya kawasan ini tidak mempunyai satu elemen pemisah yang nyata. Kawasan rumah mereka tidak berpagar, jika adapun daripada tanaman pokok-pokok bungan dan batas. Ramai anggota keluarga desa berkumpul pada waktu lapang dan ini menampakkan pembentukan kelompok jiran. Kehidupan mereka aman dan mempunyai budaya dan nilai hidup yang sama. Bergotong-royong dalam kerja harian adalah amalan biasa.

Keharmonian hidup penduduk yang masih mengekalkan tatacara budaya dan adat resam tradisional menjadi aset penting pelancong luar mengenali Malaysia dan rakyatnya. Hubungan yang erat membuatkan program Inap Desa mendapat sokongan padu daripada penduduk. Keramahan dan kesediaan mereka menyambut pelancong menampakkan kemauhan untuk melibatkan diri dalam program Inap Desa. Kerjasama yang erat dapat dilihat apabila mereka mengadakan kerja berderau atau bergotong-royong seperti memasak hidangan untuk dihidangkan kepada pelancong. Seterusnya kepandaian penduduk melayan para pelancong dengan baik juga penting kerana pelancong akan merasa selesa dan menganggap mereka diterima seperti ahli keluarga. Daripada apa yang diceritakan oleh pengusaha setiap kali berakhirnya suatu kunjungan, iaitu semasa pelancong mahu meninggalkan desa, kebanyakan para pelancong dan pengusaha menangis kerana sedih untuk berpisah. Hal ini menunjukkan mereka cepat mesra dalam menjalinkan hubungan dengan pelancong. Dengan demikian, program Inap Desa dapat dilaksanakan dengan baik kerana adanya sokongan yang diberikan oleh penduduk setempat. Mereka bersama-sama berganding bahu untuk menyediakan segala kelengkapan yang diperlukan untuk pelancong.

b) Keindahan Alam

Bagi mereka yang inginkan ketenangan, kawasan desa memang sesuai kerana ia terletak jauh daripada suasana bising dan kesesakkan bandar. Tempat yang agak terpencil ini penuh pelbagai tempat menarik untuk dikunjungi. Selain daripada itu, kawasan ini selalunya dikenali sebagai salah satu destinasi pelancongan yang berkonsepkan perkampungan tradisional yang sunyi serta dihiasi dengan keindahan alam semulajadi. Oleh yang demikian, program Inap Desa yang dianjurkan melibatkan industri pelancongan berasaskan pertanian atau agrotourism. Tanahnya subur dengan pokok buah-buahan bermusim sejak dahulu lagi. Hal ini dapat dilihat di kebanyakan halaman pengusaha Inap Desa yang mana terdapat dusun atau pokok-pokok buah yang rendang berbau membuatkan pelancong berasa tenang setiap kali berada di kampung tersebut. Selain itu, panorama sawah padi yang menghijau memang indah. Perkampungan

petani berhampiran sawah padi dipenuhi pepohon kelapa yang melambai membuatkan pelancong berasa tenang. Kesuburan dan kehijauan sawah padi merupakan satu keunikan dan kecantikan yang dapat menambat hati pelancong. Suasana lebih menarik pada musim menuai padi iaitu sekitar bulan Ogos dan April, di mana sawah padi menjadi kuning kemasan. Secara umumnya, keindahan alam semulajadi yang terdapat di desa dapat dijadikan modal untuk menarik minat para pelancong. Namun begitu, ia haruslah dipromosikan dengan baik.

c) Lokasi yang Strategik

Pemilihan kampung ini sebagai projek perintis bagi program Inap Desa adalah pemilihan yang tepat. Pelancong yang gemarkan aktiviti lasak seperti mendaki, tempat tersebut sangat sesuai untuk melakukan aktiviti sedemikian. Seperti kampung Raga, puncak Gunung Jerai yang nyaman berhampiran kampung ini membuatkan pelancong tidak teragak-agak untuk memilihnya sebagai destinasi pelancongan.

Seterusnya para pengusaha program ini juga harus aktif merebut peluang-peluang untuk memperkenalkan budaya, seni dan warisan Malaysia, khususnya kepada para pelancong yang gemar dengan elemen-elemen kebudayaan, seni dan warisan. Selain itu, tempat-tempat menarik yang berdekatan dan mempunyai daya tarikan yang tersendiri perlu turut dipromosikan. Oleh itu alam semulajadi perlu sentiasa terpelihara daripada sebarang pencemaran. Dengan demikian kedudukan di lokasi yang strategik dan tidak tercemar menjadi salah satu faktor yang mendorong program Inap Desa terus berjaya.

d) Aktiviti yang Menarik

Pengusaha Inap Desa boleh meraih peluang dengan menganjurkan pelbagai aktiviti yang menarik kepada pelancong. Para pelancong tentunya mahukan kelainan untuk mencari pengalaman dalam hidup mereka dengan mencuba sesuatu yang baru. Apabila bertandang pelancong akan disajikan dengan pelbagai aktiviti yang menarik. Banyak program telah disusun, yang mana semuanya mencerminkan budaya hidup masyarakat tempatan Para pengusaha telah sedaya upaya untuk memberikan yang terbaik agar pelancong berasa gembira dengan apa yang mereka lakukan sepanjang berada di kampung tersebut.

Antara aktiviti yang ada ialah melawat ke sekitar tempat-tempat menarik yang terdapat di situ. Pelancong akan dapat menikmati sepantas-puas keindahan alam semulajadi dan mengenali khazanah hutan yang ada di situ. Selain dapat merehatkan minda, mereka juga boleh mencuba aktiviti memancing ikan yang mana hasil tangkapan boleh dijadikan hidangan. Menurut pengusaha Inap Desa, aktiviti inilah yang selalunya dilakukan oleh pelancong yang datang. Hal ini kerana faktor sungai yang jernih, berliku dan kaya dengan ikan serta berhampiran dengan tempat kediaman mereka memudahkan untuk melakukan aktiviti seumpama itu.

Di antara acara yang agak unik adalah pelancong berpeluang melihat dan merasai bagaimana petani mengerjakan sawah padi. Mereka juga dapat menikmati juadah makanan tradisional kampung yang berlaukan ikan air tawar sambil menikmati pemandangan sawah padi yang cukup menarik. Jika datang pada musim menuai iaitu pada bulan Jun dan bulan Disember, pelancong berpeluang bermain layang-layang di tengah sawah. Aktiviti ini merupakan kemestian bagi penduduk desa seperti di Kampung Raga sejak dahulu lagi apabila tibanya musim menuai dan ianya diteruskan untuk pelancong merasainya. Bagi mereka yang tidak pernah merasakan pengalaman ini mungkin tidak dapat dilupakan kerana ia adalah satu pengalaman yang cukup berharga.

Selain itu, pelancong akan turut dipamerkan dengan persembahan seni mempertahankan diri seperti silat gayung. Mereka juga diajar bermain sepak raga bulatan apabila tibanya waktu petang. Selain itu, program yang ada juga mengajak pelancong untuk melihat cara-cara membuat kuih tradisional tempatan seperti bahulu, kuih bangkit dan sebagainya. Pelancong juga berpeluang untuk mencuba memasak sendiri dan menikmati keenakkan hasilnya. Perusahaan ini dijalankan oleh penduduk setempat yang mana ia merupakan antara kegiatan ekonomi mereka.

Di antara aktiviti lain lagi yang menarik ialah para pelancong juga boleh mencuba sukan air seperti berkayak kerana aktiviti ini ditawarkan di pulau-pulau yang berdekatan. Adakalanya pelancong berpeluang untuk mengikut nelayan turun ke laut untuk menangkap ikan. Pelancong juga dapat melakukan aktiviti lasak seperti mendaki gunung untuk melihat keindahan hutan yang terdapat di Puncak Gunung Jerai.

Objek pelancongan dan segala persembahan yang ditunjukkan merupakan daya tarikan yang utama kepada pelancong untuk datang mengunjungi tempat-tempat tersebut. Oleh itu keasliannya perlu dipertahankan supaya jumlah pelancong yang berkunjung terus bertambah. Pelbagai aktiviti yang menarik tersebut perlu dipertahankan dan ditingkatkan tahap perkhidmatannya agar dapat memberi kepuasan kepada para pelancong. Hal tersebut penting kerana selama ini ia telah terbukti dapat menarik minat para pelancong.

IMPAK PROGRAM INAP DESA

Pada umumnya program Inap Desa sememangnya memberikan impak yang besar terhadap individu yang menyertainya, kumpulan komuniti yang melaksana dan menjayakan program tersebut, agensi-agensi yang terlibat dan juga sumbangan kepada ekonomi negara. Justeru, Impak daripada program ini dapat dilihat daripada dua sudut iaitu dalam konteks mikro, khusus kepada mereka yang terlibat secara langsung dan juga dalam konteks makro, iaitu impak yang diterima secara menyeluruh dan tidak langsung.

Impak Mikro

Merujuk kepada aspek pembangunan komuniti secara mikro program Inap Desa ini memberikan manfaat dari segi ekonomi, peningkatan motivasi ahli yang terlibat serta memupuk kepimpinan dalam sesebuah organisasi desa.

Para peserta program ini yang rata-ratanya terdiri daripada penduduk desa yang sosioekonominya bertaraf sederhana, majoriti sumber pendapatan berdasarkan hasil kerja tradisi sama ada petani, nelayan, pekebun atau peniaga kecil, program ini secara tidak langsung telah dapat meningkatkan sumber pendapatan mereka. Pendapatan daripada program Inap Desa, bukan sahaja diperolehi oleh komuniti yang terlibat secara langsung sebagai peserta, malahan juga diterima oleh hampir keseluruhan komuniti di kampung tersebut meskipun mereka tidak terlibat secara langsung. Apabila terlaksananya program Inap Desa di sesebuah kampung maka ia melibatkan keseluruhan anggota komuniti. Pelbagai perkara dibuat bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelancong seperti membersihkan dan mengindahkan kampung, memperbaiki kemudahan sedia ada, merancang dan melaksanakan program-program ekonomi dan keusahawanan, latihan dan mengadakan aktiviti sukan dan kebudayaan, mendapatkan dana untuk membangunkan projek-projek baru, mengadakan kursus menyambut dan menguruskan tetamu (pelancong) serta cara berkomunikasi dengan betul, dan sebagainya.

Dari segi sumbangan berbentuk ekonomi ternyata program ini telah berjaya memupuk dan melahirkan budaya keusahawanan di kalangan penduduk kampung dalam pelbagai perkara seperti perusahaan kecil-kecilan dari segi pembekalan barang keperluan, pengangkutan, perniagaan runcit, membuat dan membekal barang cenderamata dan kraftangan, perusahaan kueh mueh tradisional, perniagaan landskap dan lain-lain lagi. Hasil kajian mendapati melalui program ini, pendapatan mereka dapat ditingkatkan secara langsung. Ada di antara mereka yang pendapatannya telah meningkat sehingga tiga kali ganda daripada sebelumnya. Ramai di antara mereka yang mampu mengubahsuai rumah, membeli perabut baru dan kelengkapan rumah, melandskapkan persekitaran rumah dan juga mengubah selera kepada makanan yang berkhasiat untuk keluarga dan juga bagi memenuhi keperluan para pelancong yang menginap di rumah mereka.

Dilihat dari segi sikap, didapati mereka mulai berubah kearah yang lebih positif berbanding sebelumnya. Mereka telah menerima pendedahan pengetahuan tentang dunia luar daripada cerita-cerita, buku-buku, risalah serta sifat, kegemaran dan tingkah laku para pelancong semasa di rumah mereka. Didapati bagi mereka yang terlibat secara langsung dengan aktiviti Inap Desa, mereka mempunyai insiatif yang tinggi untuk belajar bahasa asing. Ini adalah kerana mereka perlu berkomunikasi dengan pelancong yang datang dari luar negara yang antaranya dari Jepun, Korea, Australia, Eropah dan sebagainya. Anak-anak mereka juga lebih berani berinteraksi dengan pelancong dan juga

mulai berminat berkomunikasi dalam bahasa asing terutama bahasa Inggeris. Ada di antara mereka yang telah menghafal perkataan ringkas seperti "selamat datang, apa khabar, terima kasih dan jumpa lagi" lebih daripada 10 bahasa. Di beberapa tempat, mereka juga telah menginisiatifkan program belajar bahasa asing. Dengan ini sedikit sebanyak dapat menambahkan pengetahuan anggota komuniti tempatan dengan bahasa asing.

Perkara-perkara sebegini telah membuka minda mereka sesisi keluarga untuk mempelajari perkara baru, menerima perubahan dan perbezaan dalam kehidupan seharian. Dilihat dari sudut pendedahan lain, sikap anak-anak muda juga dikatakan lebih terbuka melalui pergaulan mereka dengan pelancong asing. Secara tidak langsung mereka mengetahui budaya luar dengan lebih dekat. Mereka juga tidak kekok apabila berhadapan dengan pelancong asing kerana sudah biasa dengan keadaan sedemikian. Hal ini membuatkan mereka berasa lebih yakin apabila berhadapan dengan orang yang ramai. Didapati ada di antara anak-anak para peserta program ini yang sedang belajar di sekolah, begitu teruja menanam cita-cita untuk belajar ke luar negara terutama negara-negara yang dari mana para pelancong berkenaan datang. Hal ini menampakkan impak pendedahan aspek globalisasi yang begitu berkesan.

Dari sudut pembangunan infrastruktur desa, ternyata program ini telah berupaya meningkatkan kualiti dan kuantiti kemudahan sedia ada dengan peruntukan daripada kerajaan. Penduduk setempat juga mempunyai kesedaran diri yang tinggi tentang menjaga kemudahan yang disediakan dan juga menjaga kebersihan agar imej mereka sebagai kampung terindah sentiasa terpelihara. Kediaman mereka perlu kelihatan bersih dan kemas setiap masa kerana kedatangan pelancong tidak dapat diduga waktunya. Apabila sikap sebegini tersemai dalam diri mereka maka ianya akan menjadi amalan yang berterusan.

Seterusnya program ini juga secara tidak langsung telah membina kekuatan dari segi kepimpinan dan perpaduan dalam sesebuah komuniti. Boleh dikatakan bahawa program ini telah berjaya menjalin ikatan yang kuat di antara ahli dan membina wawasan yang sama ke arah kemajuan dan keharmonian komuniti. Manfaat ekonomi yang diperolehi dan dengan terbukanya perenggu minda, telah memberangsangkan kumpulan ini untuk lebih mudah menerima perubahan, merancang pembaharuan dan berusaha mencapai matlamat yang sama. Mereka telah merealisasikan semula pepatah tradisi "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing".

Dengan kewujudan organisasi yang menguruskan program Inap Desa ini juga, maka mereka telah dapat melahirkan lebih ramai pemimpin berwibawa di pelbagai peringkat sama ada peringkat belia, wanita dan juga peringkat dewasa. Program latihan yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat dan hubungan mereka dengan agensi pelancongan swasta juga telah membina jaringan hubungan serta kemahiran dalam mengurus organisasi di peringkat lokal.

Impak Makro

Dalam konteks makro pula, program Inap Desa ini merupakan suatu ruang alternatif kepada pakej pelancongan sedia ada yang disediakan oleh agensi-agensi pelancongan swasta. Melalui pakej ini para pelancong asing diberi pendedahan secara langsung tentang budaya dan kehidupan sehari-hari masyarakat Malaysia. Inilah sebahagian daripada apa yang dicari oleh para pelancongan yang inginkan kelainan serta berminat menerokai pengalaman baru. Dengan bertambahnya pakej pelancongan baru ini, maka ia secara langsung akan meningkatkan sumber pendapatan negara.

Dari sudut pembangunan tanah secara umum, didapati bagi kampung yang melaksanakan program Inap Desa, para penduduknya lebih proaktif dan rajin dalam membangunkan semula tanah-tanah terbiar dengan pelbagai tanaman. Hasil tanaman ini melebihi keperluan mereka dan banyak yang dipasarkan di luar sama ada di jual di bandar berdekatan atau di edarkan ke tempat lain. Begitu juga dengan hasil perusahaan desa yang lain, ada yang telah dipasarkan ke merata-rata tempat bergantung kepada permintaan. Ini menjadi penyumbang bukan sahaja kepada pendapatan individu, malahan menjadi sebahagian daripada sumber pendapatan negara.

Melalui program Inap Desa ini juga para pelancong luar dapat menilai sendiri tentang kemurnian cara hidup dan keluhuran hati budi rakyat Malaysia. Ini akan mengubah persepsi orang asing terhadap orang Melayu dan juga agama Islam. Ini penting bagi mengubah persepsi asing dan membina imej rakyat Malaysia di kaca mata Barat sebagai rakyat yang bertamaddun, tidak menyokong keganasan, liberal dan hidup dalam negara yang demokratik serta berwawasan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, program Inap Desa banyak memberikan impak yang positif ke atas kehidupan komuniti desa yang terlibat dan juga negara amnya. Bagaimanapun didapati bahawa masih terdapat beberapa halangan yang terpaksa ditempuhi bagi memperkasakan program ini dalam konteks industri pelancongan negara. Antaranya aspek promosi, masalah pengurusan, kemudahan awam, persaingan dan keupayaan pengusaha. Pada dasarnya aspek-aspek tersebut sangat penting dalam proses kelancaran pelaksanaan program Inap Desa agar perlaksanaan menjadi lebih berkesan.

Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam program Inap Desa, dapat disimpulkan bahawa kejayaan program ini dapat diukur dengan kehadiran para pelancong yang berterusan dan juga kunjungan yang berulang oleh para pelancong terdahulu. Dalam konteks program Inap Desa ini, kunjungan berulang sememangnya berlaku ekoran daripada keunikan produk pelancongan itu sendiri dan juga perkhidmatan terbaik yang pernah diterima oleh para pelancong yang datang.

Kejayaan program Inap Desa ini adalah lahir daripada komitmen yang tinggi para peserta atau pengusahaannya. Ia mencerminkan kejayaan dari segi psikologi dalam usaha mengubah sikap, persepsi dan juga minda penduduk desa yang terlibat. Perubahan yang jelas dapat dilihat daripada perubahan sikap yang lebih positif terhadap orang asing atau mereka yang belum dikenali, sedia bekerja sama dengan orang lain, akur kepada kepimpinan yang dipercayai, mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi, prihatin terhadap alam sekitar, mempunyai integriti yang tinggi, mengelak pembaziran serta optimis terhadap masa depan.

Dalam konteks pengupayaan dan pembangunan komuniti, program Inap Desa ini bukan sekadar suatu projek pelancongan desa, malah ia boleh dijadikan sebagai satu model pembangunan desa yang bersepadu. Perlaksanaannya memberikan banyak manfaat kepada komuniti desa. Namun perlaksanaannya bukan semudah yang dilihat tetapi memerlukan komitmen dan kesefahaman yang tinggi di kalangan penduduk setempat. Kelemahan yang wujud akan dapat diperbaiki sekiranya pihak-pihak yang bertanggungjawab mentadbir dan mengawasi perjalanan program dengan berkesan. Usaha mengupayakan keseluruhan anggota komuniti bukanlah suatu perkara yang mudah dan boleh dilaksanakan dalam tempoh yang singkat, namun melalui program pembangunan komuniti, usaha sebegini dilihat lebih mudah dan diterima oleh majoriti penduduk.

RUJUKAN

- Amran Hamzah. 2004. *The Evolution of the Homestay Programme in Malaysia: Performance, Sustainability and Challenge*. Kuala Lumpur: Ministry of Tourism Malaysia.
- Bird, B. 1989. *Langkawi: From Mahsuri to Mahathir. Tourism for whom?*. Kuala Lumpur: Insan.
- Fauwaz Hasbullah. 2005. Program Homestay dan Partisipasi Komuniti di Dalam Pembangunan Desa: Kajian Kes di Banghurst dan Kampung Pelegong. Tesis Sarjana Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hall, D. & Roberts, L. 2001. *Rural Tourism and Recreation: Principle to Practice*. London: CABI.
- Henderson et al. 2004. Widening Accommodation Choice: A Potential Homestay of Singapore. *Asian Journal on Hospitality and Tourism*. Volume 3 (1) 1-9.
- Kerajaan Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan. 2006-2010*. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Berhad.
- Norhayati Mohamad. 2005. Pengalaman dan Cabaran Pelaksanaan Program Homestay di Kampung Raga, Yan, Kedah. Tesis Sarjanamuda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ting Chew Ping. 1997. *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yahaya Ibrahim. 1995. *Pembandaran dan Kejiranian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yahaya Ibrahim. 2004. Homestay Programme in Malaysia: Development and Prospect. *Asian Journal on Hospitality and Tourism*. Volume 3 (1) 65-75.